

06 FEB 2002
PBEC-MALAYSIA/I
MALAYSIA JADI TUAN RUMAH MESYUARAT PBEC

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke35 Majlis Ekonomi Lembah Pasifik (PBEC) dengan tema "Berusaha Ke Arah Pertumbuhan Dalam Suasana Mencabar".

Mesyuarat lima hari itu akan bermula di sini pada 3 Mei, demikian diumumkan oleh pengerusi PBEC Malaysia, Datuk Azman Hashim, kepada sidang media di sini hari ini.

Ini adalah kali kedua Malaysia menjadi tuan rumah mesyuarat perniagaan antarabangsa itu sejak 1994. Mesyuarat tahun lepas diadakan di Tokyo.

Azman berkata persidangan itu akan menangani isu-isu seperti dimensi keselamatan pertumbuhan ekonomi, perkembangan baru dalam liberalisasi perdagangan dan pelaburan serta pandangan industri terhadap pasaran bioteknologi dan kewangan.

"Ia menjanjikan mesyuarat yang mencetus pemikiran dan berpengaruh.

"Ia juga merupakan platform bagi pembuat keputusan serantau mengadakan dasar dan strategi terbaik yang membawa Lembah Pasifik ke arah pertumbuhan yang mantap dan mapan," katanya.

Antara acara utama di mesyuarat itu adalah ucapan oleh ketua-ketua kerajaan, menteri-menteri, para pemimpin pertumbuhan antarabangsa dan eksekutif-eksekutif kanan syarikat-syarikat terbesar di rantau ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menyampaikan ucapan pada 6 Mei ini.

PBEC adalah persatuan antarabangsa pemimpin-pemimpin kanan perniagaan yang mewakili lebih 1,100 syarikat besar dalam 20 ekonomi di Pasifik yang mencakupi lebih AS\$4 trilion (RM15.2 trilion) jualan global dan mengambil bekerja lebih 10 juta orang. -- BERNAMA

SM SD JR